



Sultan Kelantan bersama Najib dan Zahid di Dataran Parlimen.



Bersalaman dengan bondanya, Tengku Anis Tengku Abdul Hamid di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa.



Sultan Muhammad V menyerahkan Surat Pengisytiharan Memegang Jawatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke-15 daripada Najib di Istana Negara, semalam.



Sultan Kelantan dimasyhurkan Yang di-Pertuan Agong Ke-15

BH
14/12/16
MIS-2,3,4



→ Sultan Perak turut angkat sumpah sebagai timbalan

► Kuala Lumpur

Sultan Kelantan, Sultan Muhammad V dimasyhurkan sebagai Yang di-Pertuan Agong Ke-15 dengan melafaz sumpah memegang jawatan dalam upacara penuh adat istiadat di Istana Negara, semalam.

Yang turut melafaz sumpah memegang jawatan ialah Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah sebagai Timbalan Yang di-Pertuan Agong.

Kedua-dua baginda dipilih oleh Raja-Raja Melayu pada Mesyuarat Majlis Raja-Raja Ke-243 (Khas) di Istana Negara, 14 Oktober lalu, bagi tempoh lima tahun bermula semalam.

Sultan Muhammad V, 47, menggantikan Sultan Kedah, Sultan

Abdul Halim Mu'adzam Shah yang tamat tempoh pemerintahan sebagai Yang di-Pertuan Agong Ke-14, kelmarin.

Upacara di Balairung Seri semalam bermula dengan Mesyuarat Majlis Raja-Raja Ke-244 (Khas) sempena Istiadat Melafaz Sumpah dan Menandatangani Surat Sumpah Jawatan oleh kedua-dua Seri Paduka baginda.

Mesyuarat Khas itu dipengerusikan oleh Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Memulakan istiadat, Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja Datuk Syed Danial Syed Ahmad menyebarkan Surat Sumpah Jawatan kepada Sultan Muhammad V yang kemudian melafazkan Sumpah Jawatan sebelum menandatangani.

Surat Sumpah jawatan itu kemudian ditandatangani oleh Sultan Terengganu Sultan Mizan Zainal Abidin dan Raja Perlis Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail, sebagai saksi.

Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja kemudian menyebarkan Surat Sumpah Jawatan kepada Sultan Nazrin yang kemudiannya melafazkan sumpah jawatan sebagai Timbalan Yang di-Pertuan Agong sebelum menandatangani.

Surat Sumpah Jawatan baginda turut ditandatangani oleh Sultan Mizan dan Tuanku Syed Sirajuddin sebagai saksi.

Selesai istiadat itu, Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja kemudian menyambut Surat Sumpah Jawatan tersebut diikuti ucapan Men-

junjung Kasih dan melafazkan Allahuakbar sebanyak tiga kali.

Perisytiharan baginda berdua mengangkat sumpah dibacakan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Upacara penuh istiadat

Najib yang diapit Datuk Paduka Maharaja Lela, Mejar Jeneral Datuk Md Tajri Alwi dan Penolongnya, Azuan Effendy Zairakithnaini menghadap dan menyebarkan Surat-surat Perisytiharan memegang jawatan untuk ditandatangani baginda berdua.

Upacara penuh istiadat itu diakhiri dengan bacaan doa oleh Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri.

Semua sembilan Raja Melayu atau wakil baginda serta tiga Yang



UNIT RUJUKAN DAN DOKUMENTASI
DITERIMA
10 DEC 2016
U.R.D
M.B.P.J.

DAULAT TUANKU



Sultan Muhammad V bersalaman dengan rakyat di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, sebelum berlepas ke KLIA.



Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan menandatangani Surat Perisytiharan Memegang Jawatan Timbalan Yang di-Pertuan Agong Ke-15 pada Mesyuarat Majlis Raja-Raja Ke-244 (Khas) di Istana Negara, semalam.



25,000 rakyat iringi keberangkatan Sultan



Sultan Muhammad V melafaz sumpah memegang jawatan sebagai Yang di-Pertuan Agong Ke-15 pada Istiadat Mesyuarat Majlis Raja-Raja Ke-244 (Khas) sempena Istiadat Melafaz Sumpah dan Menandatangani Surat Sumpah Jawatan Yang di-Pertuan Agong Ke-15 di Istana Negara, semalam.

di-Pertua Negeri hadir pada upacara itu, kecuali Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Abdul Taib Mahmud yang diwakili Speaker Dewan Undangan Sarawak, Datuk Mohamad Asfia Awang Nassar.

Yang turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, Menteri-Menteri Besar, Ketua-Ketua Menteri, menteri-menteri Kabinet, Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Negara serta pegawai tinggi kerajaan.

Selepas selesai upacara di Balai-rung Seri, Najib mengetuai upacara menghadap diikuti menteri-menteri Kabinet serta orang kenamaan.

Terdahulu, Sultan Muhammad V tiba di Dataran Parlimen pada jam 11 pagi disambut dengan tiupan nafiri oleh 14 anggota dari

Rejimen Kedua Kor Armor Diraja.

Keberangkatan baginda, disambut Perdana Menteri dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor serta Timbalan Perdana Menteri.

Baginda kemudian diiringi ke peterana, melintasi pasukan kawalan tombak, diikuti persembahan tabik Hormat Diraja oleh pasukan kawalan kehormat.

Ia disusuli lagu *Negaraku* oleh pasukan pancaragam pusat Rejimen Askar Melayu Diraja yang dipimpin Kapten Nor Azizan Yahaya.

Serentak itu, bendera peribadi Yang di-Pertuan Agong Ke-15 dikibarkan dan disusuli tembakan meriam 21 das.

Sultan Muhammad V kemudian memeriksa pasukan kawalan kehormat 103 pegawai dan anggota

daripada Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja, diketuai Mejar Mohd Riduan Mohd Basheer.

Sebelum itu, Sultan Muhammad V berangkat tiba di Kompleks Bunga Raya, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada jam 10.05 pagi.

Keberangkatan tiba baginda dengan pesawat khas dari Kota Bharu disambut Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah dan kerabat diraja Selangor serta Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Salleh Said Keruak.

Sultan Muhammad V kemudian melalui Kawalan Kehormat Setempat oleh Batalion Pertama Rejimen Renjer Diraja terdiri daripada 28 pegawai dan anggota, diketuai Kapten Mohd Hafiz Mohamad Noor.

Kota Bharu: Kira-kira 25,000 rakyat Kelantan berbaris sepanjang jalan dari Istana Negeri, Kubang Kerian hingga Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP), Pengkalan Chepa untuk mengucapkan selamat berangkat kepada Sultan Muhammad V, semalam.

Keterujaan rakyat untuk menyaksikan keberangkatan baginda jelas dapat dilihat apabila mereka mula keluar dan berhimpun di sepanjang jalan seawal jam 6 pagi.

Terdahulu, istiadat keberangkatan baginda di Istana Negeri, Kubang Kerian bermula seawal 7.50 pagi dengan penuh adat istiadat.

Baginda yang mengenakan persalinan rasmi Sultan Kelantan turut memeriksa Kawalan Kehormatan Utama terdiri daripada tiga pegawai dan 104 anggota Rejimen Ke-5 Artileri Diraja Kem Desa Pahlawan, Kota Bharu, diketuai Mejar Mohd Saiful Azly.

Pemangku Raja Kelantan, Tengku Mahkota Kelantan Tengku Dr Muhammad Faiz Petra dan Menteri Besar Kelantan, Datuk Ahmad Yakob antara dif kehormat yang mengiringi Sultan Muhammad V ke LTSIP.

Baginda kemudian bersalaman dengan bonda baginda, Tengku Anis Tengku Abdul Hamid sebelum

masuk ke balai berlepas.

Yang turut mengiringi baginda ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed, selaku Menteri Pengiring; Menteri Besar, Datuk Ahmad Yakob serta EXCO kerajaan negeri.

Pesawat khas yang membawa baginda berlepas LTSIP ke ibu negara jam 9.15 pagi.

Ini kali kedua selepas 37 tahun, Sultan Kelantan dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong.

Nenda Sultan Muhammad V, Almarhum Sultan Yahya Petra Sultan Ibrahim dilantik menjadi Yang di-Pertuan Agong Ke-6 mulai 1975 hingga 1979.

Tengku Muhammad Faris Petra dimasyhurkan sebagai Sultan Kelantan Ke-29 pada 13 September 2010 dengan gelaran Sultan Muhammad V.

Sultan Muhammad V, 47, adalah putera sulung daripada empat beradik kepada Sultan Ismail Petra dan Tengku Anis Tengku Abdul Hamid.

Tiga adinda baginda ialah Tengku Mahkota Kelantan, Tengku Dr Muhammad Faiz Petra, 42; Tengku Muhammad Fakhry Petra, 38, dan Tengku Amalin A'ishah Putri, 32 tahun.

DAULAT TUANKU

[FOTO MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI/BH]

Seri Paduka aktif organisasi ketenteraan

BH
14/12/16
mls-4

➔ Sertai ekspedisi kenderaan pacuan empat roda, kejohanan kuda lasak

► Kota Bharu

Sultan Muhammad V yang di-puterakan pada 6 Oktober 1969 mendapat pendidikan prasekolah di TADIKA Fatima Convent, Kota Bharu (1974-1975) sebelum ke Sekolah Rendah Sultan Ismail I di sini (1976-1981).

Pada 1983, baginda melanjutkan

pelajaran ke Sekolah Antarabangsa Alice Smith di Kuala Lumpur dan Oakham School Rutland, England sehingga 1989.

Baginda kemudian melanjutkan pengajian dalam bidang kajian diplomatik di St Cross College, Oxford serta di Oxford Centre for Islamic Studies (1989-1991).

Baginda melanjutkan Pengajian

Perhubungan Diplomatik dan Pentadbiran Perniagaan di Huron University College, London; Pengajian Perhubungan Diplomatik di Deutsche Stiftung Internationale Entwicklung, Berlin dan European Business Administration di European Business School, London.

Baginda yang juga aktif dalam organisasi yang berkaitan dengan ke-

selamatan dan ketenteraan, kini adalah Kolonel Yang Dipertua Rejimen Artileri Diraja dan pernah dilantik sebagai Komander 506 Askar Wataniah berpangkat Brigedier Jeneral.

Gemar pelihara haiwan

Sultan Muhammad V, yang juga Canselor Universiti Malaysia Kelantan (UMK), berminat dalam sukan

lasak dan secara aktif menyertai ekspedisi kenderaan pacuan empat roda dan kejohanan kuda lasak.

Di samping itu, baginda gemar bermain golf, go-kart, menembak, memanah, badminton, boling dan bola sepak.

Baginda juga gemar memelihara haiwan seperti kuda, kucing, ayam dan burung.



Sultan Muhammad V memeriksa barisan kawalan kehormat Batalion Pertama Askar Melayu Diraja ketika istiadat keberangkatan tiba di Dataran Parlimen, Kuala Lumpur, semalam.

Sultan Nazrin terkenal idea bernas, membina

13H
14/12/16
MIS-4

[FOTO BERNAMA]

Kelainan istiadat pemasyhuran

Kuala Lumpur: Istiadat pemasyhuran Sultan Kelantan, Sultan Muhammad V sebagai Yang di-Pertuan Agong Ke-15 di Istana Negara semalam, menyaksikan beberapa kelainan.

Selain kedudukan isteri Perdana Menteri dan isteri barisan menteri yang ditempatkan berasingan, kedudukan Perdana Menteri turut diletakkan bersama menteri Kabinet yang lain. Sejurus istiadat pemasyhuran selesai, Datuk Paduka Maharakjalela melaungkan takbir Al-lahuakbar.



Sultan Nazrin Shah berkenan melafaz sumpah memegang jawatan Timbalan Yang di-Pertuan Agong pada Mesyuarat Majlis Raja-Raja Ke-244 (Khas) sempena Istiadat Melafaz Sumpah dan Menandatangani Surat Sumpah Jawatan Yang di-Pertuan Agong Ke-15 di Istana Negara, semalam.

Ipoh: Sultan Perak Sultan Nazrin Muizzuddin Shah yang dipilih sebagai Timbalan Yang di-Pertuan Agong sememangnya terkenal sebagai seorang Sultan yang sentiasa melontarkan idea-idea bernas, selain teguran membina.

Diputerakan pada 27 November 1956, baginda adalah putera sulung Almarhum Sultan Azlan Shah dan Tuanku Siti Bainun Mohd Ali, berkelulusan Doktor Falsafah dalam bidang Ekonomi, Politik dan Kerajaan dari Universiti Harvard.

Pegang pelbagai jawatan

Sultan Nazrin, 60, turut memegang pelbagai jawatan, antaranya Canselor Universiti Malaya dan Universiti Sultan Azlan Shah selain Felo Kehormat Kolej Worcester, Universiti Oxford.

Baginda turut dilantik sebagai Ahli Canselor Court of Benefactors, Universiti Oxford serta Felo Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa Malaysia (ISIS) Terbilang.

Sultan Nazrin juga ialah Duta Kewangan Pusat Kewangan Islam Antarabangsa (MIFC) selain anggota Paniel Peringkat Tinggi mengenai Pembiayaan Kemanusiaan pada persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Sumbangan baginda sebagai ang-

gota panel itu pernah mendapat sanjungan, termasuk daripada Presiden Bulgaria, Rosen Plevneliev pada Sidang Peringkat Tinggi mengenai langkah menangani pergerakan besar-besaran pelarian dan migran, yang diadakan bersempena Perhimpunan Agung PBB

(UNGA) September lalu.

Sultan Nazrin diisytiharkan sebagai Sultan Perak pada Mei 2014 pada majlis penuh adat istiadat berikutan kemangkatan ayahanda baginda, Sultan Azlan Shah.

Baginda dikurniakan seorang putera, Raja Kechil Besar Perak,

Raja Azlan Muzaffar Shah, 8, dan seorang puteri, Raja Nazira Safya, 5, hasil perkahwinan dengan Tuanku Zara Salim pada 17 Mei 2007.

Ketika ayahanda baginda dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong Kesembilan mulai April 1989-April 1994, Sultan Nazrin yang ketika itu

Raja Muda Perak dilantik sebagai Pemangku Raja Perak.

Antara teguran membina baginda, termasuk menitahkan syarikat gergasi berkaitan kerajaan yang diterajui orang Melayu untuk mendaulatkan Bahasa Kebangsaan dalam urusan mereka. **BERNAMA**